

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Sebut Harga adalah dipelawa daripada Penyebutharga-Penyebutharga yang berdaftar dengan **Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)** dan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** dibawah Bidang/Sub-Bidang dan Pecahan Sub-Bidang yang ditetapkan dan pendaftarannya masih lagi berkuatkuasa bagi menjalankan kerja/perkhidmatan berikut:

TAJUK PROJEK	KELAYAKAN PENYEBUTHARGA	HARGA DOKUMEN	TARIKH MULA DAN TARIKH SEBUTHARGA DITUTUP
UPSI/SH/14/2026 SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN MENGUJI (DI MANA BERKENAAN) PERISIAN AUTOCAD LT 2026 UNTUK JABATAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN DAN HARTA BENDA, UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS, TANJONG MALIM, PERAK UNTUK TEMPOH 3 TAHUN	UPSI & MOF Kod Bidang 210103/ 210104 Semenanjung Malaysia	RM 20.00	4 MAC 2026 (RABU) Hingga 18 MAC 2026 (RABU) (12.00 tengahari)

Kaedah Pembelian Dokumen Sebutharga:

1. Dokumen Sebutharga boleh didapati di **Unit Perolehan dan Pengurusan Kontrak, Jabatan Bendahari, Bangunan Canselori, KSAJS**. Dokumen Sebutharga dijual pada waktu pejabat seperti berikut:-

Isnin- Khamis : 8.30 Pagi- 5.00 Petang
Jumaat : 8.30 Pagi -12.00 Tengah Hari - 3.00 Petang – 5.00 Petang

2. Penyebutharga **WAJIB** membawa dokumen-dokumen wajib untuk proses pembelian di kaunter seperti sijil MOF, surat wakil syarikat (jika penama ingin mewakili untuk melakukan pembelian), sijil SSM, sijil MOF, menyemak status pendaftaran bersama UPSI, salinan resit pembaharuan pendaftaran dengan UPSI (jika tempoh pendaftaran tamat) dan salinan resit bayaran pendaftaran dengan UPSI (jika baru mendaftar).
3. Hanya penama dalam sijil MOF atau kakitangan syarikat yang sah dinamakan dalam surat perwakilan kuasa dibenarkan untuk membeli **satu (1) naskah sebut harga** sahaja.
4. Penyebutharga **WAJIB** mengemukakan **Tax Compliance Certificate (TCC)** tahun 2026 bersama-sama Dokumen Sebutharga.

Dokumen tawaran sebutharga yang berharga **RM20.00 senaskah** (tidak dikembalikan) boleh didapati dengan mengemukakan kad kredit/ kad debit atau apps boost atas nama **Bendahari Universiti Pendidikan Sultan Idris**. Dokumen tawaran sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta ditulis di sudut atas kiri nama dan no. sebut harga seperti di atas dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di pejabat **Jabatan Bendahari 2, Aras Bawah, Bangunan Canselori, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak** pada atau sebelum hari **sebutharga tersebut ditutup jam 12.00 tengahari**. Universiti Pendidikan Sultan Idris tidak terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran. *“Jika tender/sebut harga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/ kurier, Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup tender/sebut harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan”*.

Bagi sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut berkenaan sebutharga tersebut, sila hubungi dengan pegawai berikut bermula jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang hari bekerja sahaja:

1. Pendaftaran Vendor Dan Pembelian Naskah SebutHarga: 013-4309615/ 05-4506552, email: perolehan@bendahari.upsi.edu.my (Unit Perolehan dan Pengurusan Kontrak, Jabatan Bendahari)
2. Berkaitan Teknikal : 012-961 2742 (En. Ahmad Kamil)